



KENYATAAN MEDIA

PELANTIKAN Pengerusi Baharu dan Penambahbaikan Dasar-Dasar bagi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC)

Sukacita saya mengumumkan pelantikan baharu bagi Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (MCMC). YBrs. Dr. Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek dilantik sebagai Pengerusi MCMC untuk tempoh dua (2) tahun berkuat kuasa 10 Jun 2020.

Dr. Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek merupakan Naib Canselor dan CEO Universiti Perdana. Beliau juga bekas anggota Suruhanjaya di MCMC dan mempunyai pengalaman sebanyak 20 tahun dalam sektor telekomunikasi. Beliau menggantikan YBrs. Encik Al-Ishsal Ishak yang telah berkhidmat sejak Oktober 2018.

Saya juga akan melantik YBhg. Tan Sri Zamzamzairani Mohd Isa sebagai penasihat telekomunikasi kepada Menteri KKMM. Beliau merupakan Pengerusi Lembaga UEM Sunrise Berhad dan pernah meneraju Telekom Malaysia sebagai Ketua Pegawai Eksekutif dan Pengarah Urusan. Beliau mempunyai pengalaman lebih 30 tahun dalam sektor ini.

Selain itu, penambahbaikan dasar-dasar MCMC akan diperkenalkan untuk penyesuaian terhadap norma baharu akibat wabak Covid-19, dan pada masa yang sama, merancang dan melaksanakan program-program tertentu mengikut urutan prioriti dan secara mampan bagi jangka masa panjang. Penambahbaikan dasar-dasar akan melibatkan tiga aspek utama, iaitu i) infrastruktur, ii) persediaan untuk 5G, dan iii) urus tadbir dan institusi.

Usaha meningkatkan liputan infrastruktur jalur lebar yang lebih luas dan berkualiti tinggi di kawasan bandar, sub-urban dan luar bandar akan dipercepatkan.

Dalam usaha persediaan 5G, strategi pengagihan spektrum akan diperbaiki untuk memastikan penggunaanya yang optimum. Struktur industri juga akan disemak semula untuk memastikan kemampunan industri dan keseimbangannya dengan kepentingan pengguna dalam jangka masa panjang.

Bagi meningkatkan prestasi urus tadbir dan ketelusan institusi, kuasa Menteri akan disemak semula supaya wujud sistem semak dan imbang (*check and balance*). Selain itu, pihak MCMC juga akan menyemak-semula skop tugas dan tanggungjawabnya supaya memberi fokus kepada peranan utamanya (*core business*). Ini termasuk memperbaiki struktur organisasi dan menambahbaik bidang-bidang tertentu seperti perundangan, audit dan sumber manusia.

Saya yakin bahawa dengan pelantikan Dr. Fadhlullah Suhaimi Abdul Malek sebagai pengerusi baharu serta usaha-usaha penambahbaikan ini, kita dapat mengukuhkan lagi peranan dan prestasi MCMC demi memberi manfaat kepada rakyat dan negara.

DATO' SAIFUDDIN ABDULLAH

MENTERI KOMUNIKASI DAN MULTIMEDIA MALAYSIA

9 JUN 2020